Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1


	Istilah
I	Keluarga
II	Rumpun
III	Filum
IV	Golongan

	Bahasa
P	Austroasia
Q	Nusantara
R	Toraja
S	Austris

Yang manakah padanan yang betul antara istilah dengan bahasanya?

	I	II	III	IV
A	*Q*	*P*	*S*	*R*
B	*P*	*Q*	*R*	*S*
C	*Q*	*S*	*P*	*R*
D	*R*	*Q*	*S*	*P*

2



Apakah golongan bahasa yang diwakili oleh *X*?

A Jawa

B Sumatera

C Bali-Sasak

D Ambon-Timur

3 Yang manakah persamaan antara batu bersurat di Gandasuli dengan batu bersurat di Bangkahulu?

A Kedua-duanya ditulis dengan tulisan Kawi.

B Kedua-duanya dijumpai di pulau Sumatera.

C Kedua-duanya ditulis dengan tulisan Palava.

D Kedua-duanya ditulis dengan tulisan Nagiri.

4

Q	• Terdapat pengaruh bahasa Sanskrit • Ditulis atas perintah raja • Menjadi bukti bahasa Melayu dijadikan bahasa pentadbiran semasa kerajaan Sriwijaya

Batu bersurat yang diwakili oleh *Q* ialah batu bersurat di

I Minye Tujuh

II Karang Brahi

III Talang Tuwo

IV Pagar Ruyung

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

5 Yang manakah pernyataan yang benar tentang ciri-ciri tulisan Jawi dalam bahasa Melayu?

I Ditulis dari kiri ke kanan

II Tidak dibezakan oleh huruf besar dan huruf kecil

III Terdapat enam abjad lain yang disesuaikan dengan sebutan bahasa Melayu

IV Ada bentuk abjadnya yang berubah apabila ditulis secara tunggal atau bersambung

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

6 Yang manakah karya Mejar Dato' Haji Mohd Said bin Haji Sulaiman?

I Penokok dan Penambah

II Kitab Pengetahuan Bahasa

III Buku Katan PBmPB Diraja Johor

IV Kitab Perkebunan Jurutulis Bagi Kanak-Kanak Yang Hendak Belajar Akan Dia

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

11

X	Diftong
Y	Vokal rangkap

Yang manakah padanan yang betul bagi perkataan yang mengandungi *X* dan *Y*?

	X	*Y*
A	Belai	Raut
B	Pulau	Salai
C	Relai	Saudagar
D	Kaut	Sepoi

12

I	Letupan lelangit lembut tak bersuara
II	Letupan dua bibir bersuara
III	Geseran gusi tak bersuara

Yang manakah perkataan yang mengandungi konsonan mengikut susunan di atas?

A Tetas

B Cetus

C Kebas

D Gebar

13

	Lambang konsonan
I	[z]
II	[f]
III	[x]
IV	[s]

	Nama konsonan
J	Geseran lelangit lembut tak bersuara
K	Geseran gusi bersuara
L	Geseran bibir-gigi tak bersuara
M	Geseran gusi-lelangit keras bersuara

Yang manakah padanan yang betul antara lambang konsonan dengan nama konsonannya?

	I	II	III	IV
A	*M*	*K*	*J*	*L*
B	*J*	*L*	*M*	*K*
C	*L*	*M*	*J*	*K*
D	*K*	*L*	*J*	*M*

17 Yang manakah kata yang mempunyai konsonan pinjaman [x]?

A Zaman

B Syukur

C Khusus

D Darurat

18

I	KVK+KVVK
II	KKVK+KV+KVK

Yang manakah perkataan yang susunan suku katanya menepati pola I dan II?

	I	II
A	Syarikat	Spektrum
B	Mubaligh	Kritikal
C	Khutbah	Kontraktor
D	Manfaat	Praktikal

19 Yang manakah kata pinjaman yang ejaannya mengutamakan bentuk visual atau ciri hurufiah bahasa sumber?

I Garaj

II Borjuis

III Tragedi

IV Psikologi

A I dan II

B I dan III

C II dan IV

D III dan IV

20 Yang manakah ayat yang menggunakan tanda baca dengan betul?

A Wah, cantiknya bunga itu!

B mengapa dia menangis? Saya tidak tahu.

C Kejadian itu berlaku sekitar tahun 1960an.

D Bapanya berkata, "Tolong ambilkan buku itu".

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Impian setiap penerbit filem dan rancangan televisyen tempatan adalah untuk membawa produk industri kreatif melintasi sempadan negara. Kesukaran produk industri kreatif negara menembusi pasaran antarabangsa mempunyai hubung kait dengan kualiti produk dan jaringan yang lemah dengan pihak luar. Faktor modal yang kecil turut membataskan peluang penerbit tempatan. Pelbagai inisiatif diambil oleh pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan bagi menangani kemelut itu, namun hingga hari ini usaha itu masih belum menunjukkan tanda positif. Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah membuktikan bahawa pihak kerajaan memandang serius untuk membantu penerbit dalam industri kreatif. Walau bagaimanapun, badan bukan kerajaan perlulah bersendal bahu dalam membantu penggiat industri kreatif melangkah ke hadapan.

Penubuhan Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG) yang lahir daripada cetusan idea penggiat industri kreatif, terutamanya daripada pihak penerbit filem dan rancangan televisyen merupakan satu usaha yang wajar. Tujuan penubuhan CCIG adalah untuk menjadi badan tunggal yang memperjuangkan hak penggiat industri kreatif, selain berperanan untuk memperkukuh jaringan pada peringkat antarabangsa. Badan ini berperanan untuk menjadi pusat akreditasi bagi badan-badan yang berkaitan dengan industri kreatif, di samping menjaga kepentingan tenaga profesional dalam industri kreatif dan menjadi agensi rasmi dalam hal yang berkaitan. Dari segi dasar dan perundangan, CCIG hendaklah memperjuangkan hak berkaitan dengan kandungan produk industri kreatif, pelaksanaan dan penguatkuasaan kontrak serta perjanjian, selain memelihara hak berkaitan dengan harta intelek.

Sebagai platform kepada para penggiat industri kreatif, banyak perkara yang perlu diberikan penekanan oleh CCIG. Walaupun penerbit filem dan televisyen dapat menghasilkan produk kreatif mereka, namun penguasaan kemahiran sains dan teknologi dari segi penerbitan filem dan rancangan televisyen tempatan agak ke belakang jika dibandingkan dengan penerbit luar negara. Oleh itu, pembangunan modal insan perlu diambil kira. Menerusi jaringan perhubungan antarabangsa, CCIG diharapkan mampu menentukan kriteria kelayakan bagi para penerbit. CCIG juga perlu mencari peluang untuk penerbit melangkah lebih jauh dan mengenal pasti program pembangunan serta kerjasama antarabangsa. Banyak perkara boleh dinilai untuk memartabatkan industri kreatif negara kita. Yang penting, CCIG juga perlu berusaha untuk memikat hati masyarakat agar melibatkan diri dalam bidang ini, dan melahirkan lebih ramai insan industri kreatif yang berpendapatan tinggi supaya bidang ini tidak dipandang sebelah mata oleh orang ramai.

(Dipetik dan disesuaikan daripada *Berita Harian*, 30 April 2012)

21 Apakah cabaran yang dihadapi oleh pengkarya industri kreatif dalam usaha mencipta nama pada peringkat antarabangsa? [4]

22 Apakah harapan penulis terhadap penubuhan Gabungan Industri Kandungan Kreatif (CCIG)? [6]

23 Andaikan anda sebagai penerbit filem tempatan. Jelaskan langkah yang dapat membantu anda dalam menerbitkan filem yang boleh diterima oleh masyarakat antarabangsa. Panjang jawapan anda hendaklah tidak lebih daripada 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis **sebuah** *karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah.*

24 Fenomena cuaca panas yang keterlaluan di seluruh dunia atau lebih dikenali sebagai pemanasan global kini amat membimbangkan banyak pihak. Jelaskan faktor timbulnya gejala tersebut.

25 Banyak rumah yang telah siap dibina dikatakan sukar untuk dijual. Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku?

26 Ramai pelajar dari negara luar datang ke negara kita untuk menuntut di institusi pengajian tinggi, sama ada di universiti awam atau di institusi pengajian tinggi swasta dalam pelbagai bidang dan peringkat pengajian. Jelaskan kesan positif daripada keadaan tersebut.

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta